

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN WONG LING BIU

TARIKH: 22 MAC 2016

SOALAN:

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah orang yang mencari pekerjaan telah didaftarkan di Jabatan Tenaga Kerja. Adakah Jabatan Tenaga Kerja memainkan peranan dengan berkesan.

PR-1341-L73455

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat 15 Februari 2016 terdapat seramai 279,587 orang pendaftar aktif (170,997 Pencari Kerja Siswazah manakala 108,590 Bukan Siswazah) telah berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) melalui Portal *JobsMalaysia*. Semua pencari kerja adalah digalakkan mendaftar sebagai pengguna portal *JobsMalaysia* supaya peluang mereka memperoleh pekerjaan dapat dipertingkatkan. Melalui perkhidmatan ini, permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut kesesuaian dan kelayakan akademik mereka.

2. Pada dasarnya Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah berjaya memainkan peranan untuk membantu para pencari kerja tempatan mendapatkan pekerjaan dengan berkesan. Bagi tujuan ini JTK telah mengadakan pelbagai program penempatan pekerjaan. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun. Bagi tujuan tersebut juga, pihak Jabatan dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) telah bekerjasama bagi mengadakan Karnival Pekerjaan tersebut di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak tersebut bagi memudahkan para bakal

graduan, lepasan graduan dan pencari kerja untuk dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan. Ia menjadi *platform* bagi para pencari kerja dan majikan untuk bertemu dan mendapatkan pekerjaan dan calon pekerja yang sesuai dengan kehendak mereka.

3. Pelbagai program yang bermanfaat dan berfaedah turut dilaksanakan semasa program karnival tersebut berlangsung. Ini termasuk Program Penyesuaian Kerjaya (2PK) di mana beberapa modul yang relevan kepada bakal para pencari kerja dan graduan telah diperkenalkan seperti Ujian Personaliti, Tips Menghadiri Temuduga, Penulisan Resume, Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Kerjaya (Ceramah Kerjaya, Klinik Kerjaya, Ikon Kerjaya). Program ini dilaksanakan di setiap Program Karnival Kerjaya anjuran JTK peringkat negeri dan daerah.

4. Selain daripada itu, pihak Jabatan melalui Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan (JobsMalaysia) dengan kerjasama agensi kerajaan yang terlibat telah mengadakan kerjasama dengan syarikat perunding yang berdaftar dalam membantu meningkatkan kemahiran *soft skill* kepada pencari kerja dan kemudiannya membantu penempatan pekerjaan kepada golongan tersebut. Melalui kerjasama ini para pencari kerja akan dibantu untuk mempertingkatkan keupayaan diri supaya mendapat nilai tambah bagi kebolehpasaran dalam bidang pekerjaan.

5. Mengadakan kerjasama secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dengan melibatkan rangkaian perkhidmatan seperti penyedia latihan, pinjaman, akreditasi latihan dan pepadanan penempatan pekerjaan. Ia meliputi peranan yang boleh dimainkan oleh agensi/jabatan di bawah KSM.

6. Kerjasama dengan Agensi-agensi lain seperti Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) dibawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), membantu program-program lain yang melibatkan siswazah seperti program Talent Corporation, *Graduate Employability Scheme (GEMs)*.

7. Melalui pelbagai program yang dijalankan ini, JTK telah berjaya menempatkan seramai 110,239 orang pencari kerja pada tahun 2010. Jumlah ini makin meningkat setiap tahun iaitu 202,185 pada tahun 2011, 218,588 pada 2012, 232,760 pada tahun 2013, 259,767 pada tahun 2014. Walau bagaimanapun angka ini agak menurun kepada 223,967 pada tahun 2015. Peranan yang telah dimainkan oleh JTK di dalam mengesan kekosongan jawatan serta membantu menempatkan pencari kerja tempatan ini secara tidak langsung telah berjaya membantu mengekalkan kadar pengangguran pada sekitar 3.0 peratus setiap tahun. Berdasarkan piawaian antarabangsa, sekiranya kadar pengangguran sesuatu negara berada lebih rendah dari 4 peratus, maka guna tenaga Negara tersebut berada pada tahap guna tenaga penuh.